



**TEKS UCAPAN
'MAJLIS PERJUMPAAN YB MENTERI KEMAJUAN
LUAR BANDAR DAN WILAYAH BERSAMA
PEGAWAI DAN STAF RISDA'**

**OLEH
YANG BERBAHAGIA TAN SRI RAHIM TAMBY CHIK,
PENGERUSI RISDA**

TEMPAT: AUDITORIUM SULTAN AHMAD SHAH, RISDA
TARIKH : 7 MEI 2009 (KHAMIS)
MASA : 11.30 PAGI

Yang Berusaha Saudara Pengerusi Majlis,

Yang Berhormat Dato' Seri Mohd. Shafie bin Hj. Apdal,
Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah,

Yang Berhormat Datuk Joseph Entulu Anak Belaun,
Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah,

Yang Berhormat Dato' Hassan bin Malek,
Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah,

Yang Berbahagia Dato' Haji Abd. Jabar bin Che Nai,
Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan
Wilayah,

Yang Berbahagia Dato' Mohammad Izat Hasan, Ketua Pengarah
RISDA,

Ahli-Ahli Mesyuarat Pasca Kabinet KKLW

Seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

3

**Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh, dan Salam
Sejahtera.**

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T., kerana dengan limpah izin dan kurnia-Nya dapat kita berkumpul di sini bagi sama-sama menjayakan 'Majlis Perjumpaan YB Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Bersama Pegawai dan Staf RISDA'.

Tanggal 7 Mei 2009 pada hari ini merupakan tanggal yang tidak akan dilupakan oleh warga RISDA, iaitu hari yang menempa sejarah bagi RISDA kerana inilah pertama kali satu Mesyuarat

4

Pasca Kabinet diadakan di RISDA! Hari ini juga merupakan hari yang amat bermakna kerana YB Dato' Seri Mohd. Shafie bin Hj. Apdal sebagai Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah yang baru sudi memilih RISDA sebagai agensi pertama di bawah KKLW untuk diberi taklimat. Ini merupakan satu penghormatan kepada RISDA dan kami merasa amat berbangga atas penghormatan ini.

Saya bagi pihak RISDA merakamkan ucapan setinggi penghargaan dan terima kasih di atas kesudian YB Dato' Seri Menteri, Timbalan-Timbalan Menteri, Dato' KSU serta ahli-ahli Mesyuarat Pasca Kabinet datang ke RISDA pada hari ini.

5

Sesungguhnya kehadiran Yang Berhormat Menteri serta rombongan Pasca Kabinet KKLW dapat menyuntik semangat serta iltizam yang tinggi kepada seluruh warga RISDA amnya.

Saya juga bagi pihak RISDA ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Seri serta Yang Berhormat-Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri yang telah dipilih untuk memimpin Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Sudah pasti kombinasi Yang Berhormat Samporna, Selangau dan Kuala Pilah akan mampu membawa KKLW kepada sebuah pentadbiran yang

6

cepat dan terbaik di kalangan Kementerian-Kementerian yang ada di negara ini. Insya-Allah.

Sepertimana Yang Berhormat tahu, bahawa RISDA kini sedang melangkah untuk melebarkan sayapnya ke Sabah. Usaha-usaha gigih dan terancang telah dilakukan sejak sekian lama untuk memastikan impian murni ini tercapai.

Kepada saya, jika mahu dikaitkan dengan agenda '1 Malaysia' seperti yang digagaskan oleh YAB Perdana Menteri kita, RISDA nampaknya sedang menuju ke matlamat tersebut. Ini kerana, sehingga kini negeri Sabah sahaja yang masih belum ada

7

perkhidmatan RISDA. Dan insya-Allah, di bawah kepimpinan Yang Berhormat Dato' Seri sendiri, kita akan dapat melihat agensi ini bertapak di negeri di bawah bayu tidak lama lagi.

Yang Berhormat Dato' Seri serta hadirin sekalian,

Selaku Pengerusi, saya amat berpuas hati dengan prestasi RISDA ini yang merupakan wadah bagi kemajuan masyarakat pekebun kecil di negara ini. Untuk makluman Yang Berhormat, saya sentiasa mendapat kerjasama erat daripada Dato' Ketua Pengarah

8

serta pegawai-pegawai kanannya yang begitu komited dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.

Hari ini genaplah 16 hari YB Dato' Seri di lantik sebagai Menteri KKLW. Tidak ragu lagi YB Dato' Seri akan membawa satu perubahan besar ke kawasan luar bandar, insyaAllah. Dengan nafas baru yang di suntik oleh YB Dato' Seri, semoga masyarakat pekebun kecil akan lebih terbela.

Bagi pihak RISDA, sekali lagi saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YB Dato' Seri Hj. Mohd. Shafie bin Hj. Apdal, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Timbalan-Timbalan Menteri, Dato' KSU serta semua ahli mesyuarat Pasca Kabinet KKLW yang sudi hadir ke RISDA pada hari ini. Semoga Perjumpaan ini akan menjadi titik permulaan kepada satu perjuangan yang menguntungkan penduduk luar bandar. insyaAllah.

Akhirkata, Saya berharap agar Yang Berhormat Dato' Seri serta rombongan selesa berada di premis ini pada hari ini dan tidak serik untuk kembali lagi ke sini untuk bersama-sama kami dalam program-program yang di atur pada masa akan datang.

Sekian. Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Wbt.